

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | UTUSAN MALAYSIA |
| Date      | 30 OCTOBER 2016 |

# Najib tidak abaikan masyarakat India – Vell Paari

Um - 30/10/2016

**KUALA LUMPUR 29 Okt.** - Kerajaan Barisan Nasional (BN) pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak tidak pernah mengabaikan masyarakat India sejak beliau memegang jawatan tertinggi kerajaan seperti yang didakwa parti pembangkang.



**S. VELL PAARI**

Bendahari Agung MIC, Datuk Seri S. Vell Paari berkata, Najib sejak memegang jawatan Perdana Menteri telah menunaikan semua janjinya kepada masyarakat India berbeza dengan dakwaan yang dinyatakan Ahli Parlimen Ipoh Barat, M. Kulasegaran.

“Antara sumbangan kepada masyarakat India adalah penubuhan Sekretariat Memperkasakan Usahawan India (SEED) yang diletakkan secara langsung di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kerajaan BN melalui SEED telah menyalurkan kira-kira RM696 juta untuk membantu dan memperkasakan perniagaan usahawan India. Ketika ini, 851 usahawan telah dibantu sejak 2012.

“Selain itu, satu unit khas ditubuhkan oleh Jabatan Per-

dana Menteri yang dikenali sebagai Pembangunan Sosio Ekonomi Komuniti India dengan peruntukan RM100 juta untuk membantu pertubuhan bukan kerajaan dan institusi latihan komuniti India,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Beliau mengulas tuduhan dilemparkan oleh Kulasegaran, peguam P. Uthayakumar dan Pengerusi Hindraf, P. Waythamoorthy yang mempersoalkan pembentangan Bajet 2017 yang kononnya meminggirkan masyarakat India.

Vell Paari berkata, Perdana Menteri juga mengumumkan insentif khas kepada masyarakat India seperti pinjaman Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) berjumlah RM50 juta, pinjaman mikro kredit Amanah Ikhtiar Malaysia (sebanyak RM30 juta); usahawan wanita India (RM30 juta), latihan belia (RM30 juta) dan peruntukan beratus-ratus juta ringgit untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah-sekolah Tamil.